

Headline	Kerajaan komited tingkat rawatan ART		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	01 Jul 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	11	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	183 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,196
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,587



# Kerajaan komited tingkat rawatan ART

**Kuala Lumpur:** Kerajaan Malaysia komited meningkatkan liputan rawatan terapi antiretrovirus (ART) bagi penghidap HIV positif di negara ini kepada 80 peratus menjelang 2015.

Ketika ini, liputan rawatan HIV itu sekitar 40 hingga 46 peratus membolehkan pemberian ubat-ubatan subsidi percuma kepada penghidap HIV positif.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr S Subramaniam, berkata kerajaan memperuntukkan RM59 juta untuk menyediakan rawatan kepada 15,084 penghidap HIV positif pada tahun lalu.

## Rawatan sejak 2001

Katanya, rawatan percuma ART itu dibuat sejak 2001 selepas kerajaan mewajibkan pelesenan bagi pengimportan ubat generik bagi ART.

“Tindakan itu membolehkan kerajaan membebankan ART percuma kepada semua rakyat Malaysia yang positif HIV dan mengurangkan kadar kematian akibat penyakit itu,” katanya merasmikan Per-



sidangan Pertubuhan AIDS Antarabangsa (IAS) Mengenai Patogenesis, Rawatan dan Pencegahan HIV 2013 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini semalam.

Yang turut hadir, Presiden IAS yang juga Penerima Nobel Perubatan 2008, Prof Françoise Barre-Sinoussi yang menemui virus HIV pada 1983 dan Dekan Fakulti Perubatan Universiti Malaya (UM) yang juga Pengarah Pusat Kecemerlangan Kajian AIDS (CERiA), Prof Dr Adeeba Kamarulzaman, merangkap Pengerusi Bersama

Persidangan IAS 2013 dan Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

Dr Subramaniam berkata, ketika ini terdapat 82,000 individu yang hidup dengan HIV daripada 98,279 penghidap HIV positif yang dilaporkan di negara ini sejak 1986.

## Berlaku penurunan

Katanya, ketika ini, berlaku trend penurunan dalam jumlah individu positif HIV dengan kadar notifikasi 28.5 bagi setiap 100,000 penduduk pada 2002 menurun kepada 11.7 bagi setiap 100,000 penduduk pada 2012.

“Kerajaan menasar kadar notifikasi HIV 11 bagi setiap 100,000 penduduk menjelang 2015 dan kita yakin mencapainya pada tahun ini,” katanya.

Dr Subramaniam berkata, kerajaan juga berjaya mengurangkan kes positif HIV dalam kalangan penagih dadah di negara ini berikutan pelaksanaan program terapi gantian Methadone dan pertukaran jarum sejak 2005.